

182

Warga UUM Bantu Saudara Baru

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 25 Ogos 2011 15:16

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Students

25 OGOS 2011/25 RAMADAN 1432H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Wartawan: Samsudin Oli Mohamed

Gambar Oleh: Muhammad Shamsul Shafie

WARGA UUM BANTU SAUDARA BARU

UUM ONLINE: Sumbangan kakitangan Universiti Utara Malaysia (UUM) membantu Perkim Changlon untuk mengagihkan barang keperluan harian seperti gula, beras, minyak, susu dan lain-lain lagi serta duit raya RM100 seorang kepada saudara baru disekitar Kubang Pasu.

Sumbangan itu disampaikan oleh Pengerusi Perkim Changlon, Ahmad Puat Abdul Hamid di Masjid Al' Ala, Jitra pagi tadi.

Menurut Ahmad Puat, 63, sumbangan kepada mereka yang baru memeluk islam itu adalah bagi meringankan beban mereka untuk menyambut syawal ini.

Katanya, hasil sumbangan dari kalangan kakitangan akademik dan pentadbiran UUM pihaknya telah membeli barangan keperluan harian serta menyampaikan duit raya kepada 42 saudara baru yang hadir.

Perkim Changlon yang mempunyai ahli seramai 49 orang ini juga mendapat peruntukkan daripada cawangan Perkim Kedah untuk bersama-sama mengagihkan kepada mereka yang hadir.

Menurut Ahmad Puat, aktiviti yang dijalankan ini adalah sebahagian daripada perancangan persatuan ini yang turut disertai oleh pelajar dari universiti ini.

Antara aktiviti lain persatuan ini ialah program Korban di Kemboja dan kelas pengajian agama kepada ahlinya.

Sementara itu beliau dan jawatankuasa juga berharap saudara baru yang berada disekitar Kubang Pasu juga boleh menghubungi ditalian 019-4164044 sekiranya memerlukan bimbingan atau pertolongan.

Habis.